



DBKL melaksanakan persampelan air minum di Service Reservoir Outlet Kolam Air Bukit Weld dan Treatment Plant Outlet Loji Bukit Nanas.

Air minum warga KL selamat

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi jaminan kualiti air minum di ibu kota berada dalam keadaan selamat selepas menjalankan pemantauan dan persampelan di dua lokasi utama bekalan air.

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL melaksanakan pemeriksaan di Service Reservoir Outlet Kolam Air Bukit Weld dan Treatment Plant Outlet Loji Bukit Nanas, dua sumber bekalan utama penduduk Kuala Lumpur.

Menurut DBKL, hasil pemeriksaan menunjukkan bacaan fizikal air di kedua-dua lokasi itu mematuhi piawaian yang ditetapkan, dengan semua parameter In-Situ berada dalam

jujut standard yang selamat.

“Kami turut mengambil sampel mikrobiologi untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia.

“Ini bagi mengenal pasti sebarang kehadiran Total Coliform atau E. coli. Ia juga langkah proaktif bagi memastikan air minum terus terjamin kualitinya,” kata DBKL.

Pihak berkuasa tempatan itu menegaskan komitmen mereka dalam memastikan setiap warga kota menikmati air yang bersih dan selamat.

Malah katanya, langkah tersebut sejajar dengan usaha memperkukuh kesejahteraan awam di Kuala Lumpur. 